

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status bantuan bayaran utiliti tambahan yang juga merangkumi pembentungan sebanyak RM12 juta kepada sekolah bantuan Kerajaan setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah peruntukan untuk bil utiliti sekolah bantuan kerajaan (SBK) bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM56,415,600. Daripada jumlah ini, sebanyak RM44,415,600 adalah di bawah peruntukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Manakala, RM12 juta lagi di bawah peruntukan khas yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2020. Peruntukan khas ini bertujuan untuk pembiayaan utiliti, termasuk pembedungan bagi SBK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan tersebut telah disalurkan secara berperingkat kepada SBK. Penyaluran peruntukan ini adalah dengan mengambil kira anggaran keperluan serta prestasi perbelanjaan bil utiliti dan pembedungan bagi sekolah berkenaan, tertakluk kepada bil sebenar dan tidak melebihi siling RM5,000 sebulan. Sehingga 1 November 2020, sebanyak RM41,582,100 telah disalurkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian terlibat untuk menampung keperluan bayaran bil utiliti dan pembedungan SBK.

KPM berharap dengan peruntukan yang disalurkan ini, pihak SBK akan dapat menyediakan persekitaran yang kondusif di sekolah untuk keselesaan murid dan warga sekolah.

Sekian, terima kasih.